

SULIT



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2019/2020**

NAMA KURSUS	:	PENGURUSAN PENDIDIKAN
KOD KURSUS	:	BBD 30102
KOD PROGRAM	:	BBA/BBB/BBC/BBD/BBE/BBF/BBG
TARIKH PEPERIKSAAN	:	DISEMBER 2019/JANUARI 2020
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	JAWAB EMPAT (4) SOALAN SAHAJA

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG TIGA (3) MUKA SURAT

TERBUKA

SULIT

SULIT

- S1** a. Jelaskan konsep pengurusan pendidikan yang diamalkan di Malaysia. (5 markah)
- b. Dengan memberikan empat (4) prinsip asas pengurusan, huraikan fungsi keempat-empat prinsip ini untuk menerapkan hasrat Falsafah Pendidikan Negara di institusi pendidikan Vokasional. (20 markah)
- S2** Institut Aminuddin Baki (IAB) merupakan sebuah institusi latihan utama di Malaysia yang berperanan memberi latihan kepada bakal pemimpin sekolah. IAB juga bertanggungjawab melaksanakan latihan dalam perkhidmatan kepada barisan pentadbir sekolah untuk membantu memantapkan pentadbiran dan pengurusan di sekolah. Selain daripada memberi latihan kepada bakal pemimpin sekolah, IAB juga mempunyai pelbagai fungsi yang lain. Huraikan dengan jelas lima (5) fungsi IAB tersebut berserta dengan contoh yang sesuai. (25 markah)
- S3** Pengurusan dan Pentadbiran Pendidikan merupakan suatu perkara yang perlu dititikberatkan sebelum sesebuah sekolah mula beoperasi.
- a. Terangkan perbezaan maksud di antara maksud pengurusan Pendidikan dengan maksud pentadbiran Pendidikan (5 markah)
- b. Sebagai seorang pengarah di sebuah Kolej Vokasional, huraikan empat (4) konsep organisasi yang akan anda amalkan dalam pengurusan pendidikan kolej berkenaan kepada pensyarah dan staf. (20 markah)
- S4** a. Wawasan Pendidikan telah menggariskan enam (6) elemen untuk menjayakan perlaksanaan perkhidmatan pendidikan di sekolah. Senaraikan lima (5) daripada enam (6) elemen tersebut. (5 markah)
- b. Malaysia merupakan sebuah negara berbilang kaum dan agama. Oleh itu, perpaduan amat penting untuk disematkan dalam jati diri setiap warganegara supaya keharmonian negara dapat dikenalkan. Dalam konteks ini sekolah merupakan tempat paling awal pertemuan antara murid berlainan latar belakang. Sebagai seorang pengetua di Sekolah Menengah Teknik, jelaskan empat (4) cara berserta contoh bagaimana anda mengukuhkan semangat perpaduan dalam kalangan pelajar yang berbeza latar belakang, bangsa dan agama. (20 markah)

SULIT

- S5.** Kemahiran dalam mentadbir sekolah sangat penting bagi melancarkan proses pengajaran,pembelajaran dan pemudahcaraan kepada pelajar.
- a) Nyatakan lima (5) kompetensi yang perlu dikuasai dan diamalkan oleh pentadbir sekolah supaya dijadikan contoh kepada seluruh warganya. (5 markah)
- b) Huraikan lima (5) ciri berserta dengan contoh yang sesuai bagi seorang pengetua/guru besar berwibawa dalam mengurus sesebuah sekolah (20 markah)
- S6**
- a. Jelaskan perbezaan antara konsep pengurusan mengikut Henry Gantt dengan konsep pengurusan oleh Henri Fayol (5 markah)
- b. Dengan memberi dua (2) contoh objektif organisasi pendidikan Vokasional, jelaskan penggunaan konsep pengurusan mengikut Henry Gantt dalam pengurusan pendidikan untuk mencapai objektif tersebut. (20 markah)

- SOALAN TAMAT -

TERBUKA